



MANUAL  
**TADBIR URUS**  
1 UiTM: MULTISISTEM

**5 | TADBIR URUS  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Universiti Teknologi MARA  
SHAH ALAM

EDARAN TERHAD





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

5

TADBIR URUS  
**PERANCANGAN & MAKLUMAT STRATEGIK,  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Universiti Teknologi MARA  
SHAH ALAM

EDARAN TERHAD



# KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
<b>Tadbir Urus Perancangan &amp; Maklumat Strategik, Penyelidikan dan Inovasi</b>	
1.0 Pendahuluan	5
2.0 Latar Belakang	6
3.0 Asas Penyediaan Tadbir Urus	8
4.0 Institusi Tadbir Urus	9
5.0 Struktur Tadbir Urus	14
6.0 Senarai Jawatankuasa	15
7.0 Risiko	16
8.0 Penutup	16
9.0 Rujukan	16
Lampiran E1 : Struktur Tadbir Urus Perancangan dan Maklumat Strategik	18
Lampiran E2 : Struktur Tadbir Urus Penyelidikan	20
Lampiran E3 : Carta Organisasi Perancangan & Maklumat Strategik, Penyelidikan dan Inovasi	22
Lampiran E4 : Carta Fungsi Perancangan & Maklumat Strategik, Penyelidikan dan Inovasi	24
 <b>Panduan Tadbir Urus Perancangan &amp; Maklumat Strategik</b>	
1. Jawatankuasa Transformasi UiTM	28
2. Jawatankuasa Trans4U	31
3. Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik (Shah Alam)	34
4. Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik (Negeri)	37

Perkara	Muka Surat
<b>Panduan Tadbir Urus Penyelidikan</b>	
1. Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU)	42
2. Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkormesialan (JKHIP)	47
3. Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP)	51
4. Jawatankuasa Etika dan Penjagaan Haiwan (JEPH)	54
5. Jawatankuasa Komuniti Penyelidikan (JKP)	58
6. Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK)	62
7. Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan (JPP)	65
8. Jawatankuasa Peralatan Saintifik (JPS)	68
9. Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)	71
10. Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF)	75
11. Jawatankuasa Penerbitan Jurnal dan Buku Penerbitan UiTM	80

# **TABDIR URUS PERANCANGAN & MAKLUMAT STRATEGIK, PENYELIDIKAN DAN INOVASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

## **1.0 PENGENALAN**

Tadbir urus perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi merupakan rujukan utama punca kuasa bagi pengurusan perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi di UiTM. Keberkesanan pengurusan sesebuah universiti adalah bergantung kepada tadbir urus yang jelas dan teratur. Untuk tujuan itu, semua hal ehwal berkaitan dengan perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi Universiti dibincangkan secara langsung mengikut struktur tadbir urus yang lebih baik dan mantap.

Tadbir urus perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi UiTM dirangka dengan objektif berikut:

- i. Menentukan hubungan dan kaedah pelaporan Majlis dan Jawatankuasa-Jawatankuasa berkaitan perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi di bawah satu (1) Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- ii. Menentukan terma rujukan, struktur fungsi dan tanggungjawab majlis dan jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi di UiTM.
- iii. Menjelaskan peringkat pembuatan keputusan berkaitan perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi mengikut had kuasa jawatankuasa di peringkat strategik, eksekutif dan operasi.

## **2.0 LATAR BELAKANG PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UiTM bertanggungjawab dalam urusan pengurusan perancangan strategik dan penyelidikan.

Terdapat tujuh (7) jabatan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) iaitu :

- i. Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (Center for Strategic Planning and and Information @ (CSPI))
- ii. Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI)
- iii. Unit Pengurusan Risiko (UPR)
- iv. UiTM Press
- v. Hab Media Kreatif dan Teknologi (CMT)
- vi. Institut Penyelidikan Perakaunan (Accounting Research Institute), Pusat Kecemerlangan Prestasi Tinggi (HiCoE)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) memainkan peranan penting dalam pengurusan perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi universiti. Pejabat ini ditempatkan di Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik UiTM. Segala urusan perancangan strategik, penyelidikan dan inovasi adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173).

Fungsi utama Pejabat TNC (P&I) merangkumi perancangan dan penggubalan dasar yang merangkumi pelan strategik UiTM, penyelidikan dan inovasi.

### **2.1 Pusat Perancangan & Maklumat Strategik (CSPI)**

Sejak ditubuhkan pada tahun 1985, Pusat Perancangan Strategik (PPS) dan sekarang dikenali sebagai Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI) berfungsi merancang dan menjajar halatuju UiTM sebagai universiti Bumiputera

bertaraf dunia. Disamping itu CSPI juga berperanan sebagai pemantau dalam perlaksanaan dan pencapaian objektif strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Universiti, menguruskan kualiti data dan maklumat rasmi UiTM. CSPI juga melaksanakan penyelidikan institusi yang diperlukan oleh Universiti atau pemegang taruh. Disamping itu, CSPI jadalah wakil UiTM di peringkat Universiti dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam urusan berkaitan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM(PT)).

## **2.2 Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI)**

Tadbir urus pengurusan penyelidikan dan inovasi dirangka berdasarkan kepada Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Mengikut peruntukan Seksyen 16A Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173), Senat merupakan badan akademik tertinggi dalam Universiti yang membuat syor kepada Lembaga Pengarah Universiti mengenai hal ehwal yang berkait dengan penggubalan polisi dan prosedur, mengawal dan memantau aktiviti akademik yang merangkumi aktiviti penyelidikan di universiti.

Selain Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik dan Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi terdapat dua (2) jabatan lagi diletakkan dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Jabatan ini tidak kurang memainkan peranan penting dalam hal ehwal pengurusan Universiti. Jabatan-jabatan tersebut adalah seperti berikut:

## **2.3 UiTM Press**

Berkuatkuasa pada 15 November 2011 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) UiTM Bil. 21/2011 telah bersetuju meluluskan pertukaran nama Pusat Penerbitan Universiti kepada Penerbit UiTM (UiTM Press). Justeru pada 31 Januari 2012 bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam, majlis pelancaran nama Penerbit UiTM telah disempurnakan oleh Naib Canselor UiTM bersempena Majlis Konferensi Akademik 2012.

## **2.4 Hab Media Kreatif dan Teknologi**

Hab Media Media Kreatif dan Teknologi atau dikenali sebagai hub Creative and Multimedia Technologi (CMT) telah ditubuhkan pada tahun 2015 atas inisiatif

quick win dalam Program Transformasi UiTM. Kewujudan CMT juga merupakan cetusan idea dari YB Menteri Pendidikan II dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang melihat bahawa CMT kini dapat memainkan peranan utama dalam Sektor Ekonomi Kreatif Negara.

CMT berperanan sebagai pusat pemacu maklumat (pusat rujukan industri) yang menggalakkan nilai tambah melalui budaya teknologi inovasi dan pengkomersialan dalam penjanaan ekonomi kreatif. CTM bertanggungjawab memanfaatkan kekuatan UiTM di dalam bidang media seni, kreatif dan teknologi menerusi pengembelingan, kesepakaran seluruh sistem UiTM.

### **3.0 ASAS PENYEDIAAN TADBIR URUS PERANCANGAN & MAKLUMAT STRATEGIK, PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

Punca kuasa bagi pelaksanaan tadbir urus Pusat Perancangan Strategik, Penyelidikan dan Inovasi, UiTM adalah berpandukan kepada:

- Mesyuarat Lembaga Universiti (Khas) pada 1 September 2015.
- Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- Akta UiTM MARA 1976 (Akta 173) - Seksyen 16 A (8) & (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) bagi pengurusan penyelidikan.

Pengurusan Perancangan Strategik, Penyelidikan dan Inovasi menerima pakai peraturan, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kewangan, lain-lain agensi kerajaan dan pekeliling dalaman universiti.

- i. CSPI berperanan merancang pelan strategik universiti dan mengurus data maklumat rasmi Universiti, penyelidikan institusi dan mengurus projek-projek khas yang diperlukan oleh pihak Universiti dari masa ke semasa.
- ii. IRMI berperanan dalam merancang dan mengurus hal ehwal penyelidikan dan inovasi Universiti.

## **4.0 INSTITUSI TADBIR URUS PERANCANGAN & MAKLUMAT STRATEGIK, PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

Tadbir urus perancangan strategik, penyelidikan dan Inovasi dikawal selia oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

### **4.1 PERANCANGAN DAN MAKLUMAT STRATEGIK**

Terdapat empat (4) jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengendalikan perancangan dan pembangunan strategik Universiti yang dikendalikan oleh Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik dan Universiti iaitu:

#### **Peringkat Strategik**

##### **4.1.1 Jawatankuasa Transformasi UiTM**

Jawatankuasa ini bertanggungjawab meneliti dan meluluskan laporan status projek transformasi yang dilaksanakan dan terlibat secara tidak langsung dalam intervensi pencapaian status projek-projek program transformasi yang tidak memenuhi spesifikasi serta meneliti dan memberikan maklumbalas pelaporan status projek program Transformasi UiTM yang dibentangkan oleh PMO.

Penubuhan Jawatankuasa Transformasi UiTM adalah susulan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi memastikan matlamat dan objektif transformasi UiTM dapat dicapai dalam tempoh masa ditetapkan

#### **Peringkat Eksekutif**

##### **4.1.2 Jawatankuasa Trans4U**

Jawatankuasa Trans4U adalah merupakan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab meneliti laporan pencapaian projek transformasi Universiti dan mengadakan intervensi bagi projek-projek transformasi yang lemah dan tidak mencapai impak yang berkesan.

#### 4.1.3 Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik

Jawatankuasa ini terlibat dengan penyediaan garispanduan dan menggubal dasar pelan strategik Universiti serta menyediakan KPI dan PI Universiti bagi mengukur prestasi Universiti; perlaksanaan dan pemantauan ke atas pelan strategik Universiti yang telah disediakan dan menyediakan pelaporan prestasi kepada MEU setiap tiga (3) bulan sekali dan pelaporan kepada LPU sekurang-kurangnya dua kali setahun.

#### 4.1.4 Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Negeri

Jawatankuasa ini berperanan memastikan pelan strategik di peringkat negeri (termasuk diperingkat fakulti/jabatan) disedia sejajar dengan pelan strategik Universiti,. Disamping itu jawatankuasa ini juga berperanan mengumpulkan maklumat dan data yang diperlukan oleh CSPI bagi penyediaan indeks pengukuran prestasi KPI dan PI. Disamping itu jawatankuasa ini berperanan dalam mengkoordinasi penyaluran data dan maklumat jabatan kepada CSPI bagi pelbagai projek yang dirancanakan oleh Universiti seperti pengoptimuman Amanah Tugas Pensyarah (ATP), MoU/MoA, e-Alumni dan Audit Ruang disamping penyelidikan Institut di peringkat UiTM.

### 4.2 PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Beberapa jawatankuasa tadbir urus telah ditubuhkan bagi penyelidikan, perundingan, inovasi, pengkomersialan, harta intelek, pusat-pusat kecemerlangan Universiti dapat diurus dengan baik dan mencapai objektif dan matlamat penyelidikan Universiti dan memenuhi kriteria ranking Universiti di peringkat negara dan antarabangsa.

#### Peringkat Strategik

##### 4.2.1 Senat

Segala perbincangan dan keputusan penting Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti akan dibawa ke Senat bagi tujuan pemakluman, perbincangan dan pengesahan.

## Peringkat Eksekutif

### 4.2.2 Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU)

Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti berperanan menyedia dan membuat penyelidikan, perundingan, inovasi dan komersil untuk di perturunkan dan dilaksanakan di peringkat induk. Disamping itu, jawatankuasa ini berperanan membincang dan membuat keputusan bagi syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa kerja berkaitan aktiviti penyelidikan, perundingan, inovasi dan komersil di UiTM.

## Peringkat Operasi

### 4.2.3 Jawatankuasa Harta Intelek & Pengkomersialan (JHIP)

JHIP berperanan mengesyorkan dasar baru Inovasi, Harta Intelek dan Pengkomersialan kepada Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti. JHIP juga memperakui, memantau dan mengesyorkan permohonan baru yang mempunyai kebolehjayaan komersil yang tinggi serta menyokong pembaharuan perlindungan harta intelek bagi permohonan sedia ada untuk kelulusan Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti.

### 4.2.4 Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP)

JEP berfungsi untuk meneliti dan memastikan semua projek penyelidikan yang dijalankan adalah mengambil pertimbangan etika, mematuhi keperluan etika yang ditetapkan di peringkat antarabangsa dan memantau amalan beretika untuk penyelidikan berkaitan manusia serta melaporkan perkembangan amalan beretika berkaitan manusia kepada Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti.

### 4.2.5. Jawatankuasa Etika dan Penjagaan Haiwan (JEPH)

JEPH berfungsi menimbang dan meluluskan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan hal ehwal penyelidikan dan penggunaan haiwan mengikut standard dan etika penyelidikan. Disamping itu JEPH berperanan memantau pematuhan bagi semua penyelidikan mengikut skop dan

penyelidikan menggunakan haiwan dan melaporkan perkembangan amalan beretika penyelidikan berkaitan haiwan kepada Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti.

#### 4.2.6 Jawatankuasa Komuniti Penyelidikan (JKP)

Jawatankuasa Komuniti Penyelidikan berperanan dalam merangka dasar dan perancangan strategik penyelidikan berdasarkan data hasilan penyelidikan bagi tujuan pengukuhan dan peningkatan agenda penyelidikan universiti.

#### 4.2.7 Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK)

Merancang dan mengesyorkan dasar baru berkaitan Pusat Kecemerlangan Universiti untuk sokongan dan kelulusan, pelantikan penilai. Disamping itu jawatankuasa ini bertanggungjawab mengenal pasti dan melantik penilai di peringkat Universiti bagi meneliti permohonan Entiti Kecemerlangan Tier 4 ke Tier 3 dan ke atas, permohonan baru Entiti Kecemerlangan Tier 3 yang berimpak tinggi, memantau kemajuan dan penyediaan laporan berkala ke JKIPU.

#### 4.2.8 Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan (JPP)

JPP bertanggungjawab mengesyorkan dan mencadangkan strategi, dasar dan garis panduan dengan tujuan untuk memperkasakan agenda penyelidikan dan perundingan di UiTM.

#### 4.2.9 Jawatankuasa Peralatan Saintifik (JPS)

Jawatankuasa ini bertanggungjawab melulus dan mengesahkan semua permohonan pembelian Peralatan Saintifik bernilai RM500,000.00 dan ke atas disamping membuat dasar dan polisi atas pembelian peralatan saintifik.

#### 4.2.10 Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan Negeri (JPPN)

JPN bertanggungjawab mengesyorkan dan mencadangkan strategi, dasar dan garis panduan dalam hal ehwal berkaitan penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkormesialan di peringkat Kampus Negeri

#### 4.2.11 Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan Fakulti (JPF)

JPF bertanggungjawab mengesyorkan dan mencadangkan strategi, dasar dan garis panduan dalam hal ehwal berkaitan penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkormesialan di peringkat Fakulti

#### 4.2.12 Jawatankuasa Penerbitan Jurnal dan Penerbitan Buku UiTM

Bertanggungjawab merancang strategi pengukuhan penerbitan jurnal & buku penyelidikan

Tadbir Urus Perancangan Strategik, Penyelidikan dan Inovasi mengikut peringkat adalah seperti berikut :

Peringkat Strategik	Peringkat Eksekutif	Peringkat Operasi
Majlis Eksekutif Universiti		Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik
		Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Negeri
Senat	Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU)	Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkormesialan (JKHIP)
		Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP)
		Jawatankuasa Komuniti Penyelidikan (JKP)

Peringkat Strategik	Peringkat Eksekutif	Peringkat Operasi
		Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JPK)
		Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Perundingan (JPP)
		Jawatankuasa Peralatan Saintifik (JPS)
		Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan Negeri (JPPN)
		Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan Fakulti (JPPF)
		Jawatankuasa Etika dan Penjagaan Haiwan (JEPH)
		Jawatankuasa Penerbitan Jurnal dan Buku Penerbitan UiTM (JPJBP)

## 5.0 STRUKTUR TADBIR URUS PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Struktur Tadbir Urus Perancangan & Maklumat Strategik, Penyelidikan dan Inovasi seperti di Lampiran E1.

## 6.0 SENARAI JAWATANKUASA

Maklumat ringkas jawatankuasa peringkat strategik, eksekutif dan operasi adalah seperti berikut:

Bil	Jawatankuasa	Pengerusi	Urusetia/Sekretariat
1.	Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti	Ahli LPU	Unit Pengurusan Risiko
2.	Jawatankuasa Transformasi	Pengerusi LPU	Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik
3.	Jawatankuasa Trans4U	Naib Canselor	Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik
6.	Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU)	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI)
7.	Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik
8.	Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Negeri	Rektor/Dekan/Ketua PTJ	Pentadbiran PTJ
16.	Jawatankuasa Teknikal Kemudahan Penyelidikan Haiwan	Penolong Naib Canselor (PII)	Pentadbiran PII

Bil	Jawatankuasa	Pengerusi	Urusetia/Sekretariat
26.	Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkormesialan (JKHIP)	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Research Innovation Business Unit (RIBU)
27.	Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP)	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI)
28.	Jawatankuasa Etika dan Penjagaan Haiwan (JEPH)	Ahli JKIPU	Pejabat Pentadbiran IRMI
29.	Jawatankuasa Komuniti Penyelidikan (JKP)	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Pejabat Komuniti Penyelidikan (CoRE)
30.	Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JPK)	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMC)


## 7.0 RISIKO DAN PELUANG

## 8.0 RUMUAN


## 9.0 RUJUKAN



**STRUKTUR TADBIR URUS PERANCANGAN  
UNIVERSITI TERNAK**




# RANCANGAN & MAKLUMAT STRATEGIK TEKNOLOGI MARA




### Peringkat 1 : Strategik


### Peringkat 2 : Eksekutif




### Peringkat 3 : Operasi




# BIR URUS PENYELIDIKAN TI TEKNLOGI MARA




CARTA ORGANISASI PERANCANGAN & MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



# JURUTERA STRATEGIK, PENYELIDIKAN DAN INOVASI TEKNOLOGI MARA



**CARTA FUNGSI PERANCANGAN & MAKLUMAT STRATEGIK,  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**



PANDUAN TADBIR URUS

**PERANCANGAN & MAKLUMAT STRATEGIK,  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA





## **SENARAI JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN MAKLUMAT STRATEGIK**

1. Jawatankuasa Transformasi UiTM
2. Jawatankuasa Trans4U
3. Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik (Shah Alam)
4. Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Negeri

## JAWATANKUASA TRANSFORMASI UiTM

### 1.0 Punca Kuasa

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 1 September 2015

### 2.0 Tarikh Penubuhan Jawatankuasa

2015

### 3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Pengerusi LPU

Ahli : Ketua Pengarah KPT  
: Naib Canselor  
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
: Timbalan Naib Canselor (ICAN)  
: Pendaftar  
: Bendahari

Turut Hadir : Ketua-Ketua Pusat Perancangan Strategik  
: Penasihat Undang-Undang

Setiausaha : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) keputusan LPU  
Khas 1 September 2017

Urus setia : Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI)

#### **4.0 Kuasa Melantik**

Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Pengerusi LPU merangkap Pengerusi Jawatankuasa

#### **5.0 Tempoh Pelantikan**

2 tahun

#### **6.0 Kekerapan Mesyuarat**

Minimum 2 kali setahun

#### **7.0 Kuorum Mesyuarat**

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli termasuk Pengerusi

#### **8.0 Fungsi dan Bidang Kuasa**

- i. Membangunkan dasar dan kepemimpinan transformasi bagi seluruh sistem Universiti
- ii. Mengenal pasti dan memantau risiko perubahan yang mungkin memberi kesan ke atas peranan utama atau nama baik UiTM dan juga kesesuaian strategi pengurusan risiko yang direncanakan.
- iii. Memastikan pemegang taruh dimaklumkan sepenuhnya dari masa ke semasa mengenai kemajuan Program Transformasi Universiti.
- iv. Memberi panduan dan nasihat tentang keutamaan transformasi Universiti dan memastikan pencapaian outcome dan impak Program Transformasi UiTM.

- v. Memberi maklumbalas berkaitan kemajuan Program Transformasi bagi memastikan pencapaian objektif transformasi seperti yang dinyatakan.
- vi. Memantau kemajuan Program Tranformasi UiTM dan mensyorkan cadangan penambahbaikan.
- vii. Meneliti dan mengesahkan analisa pelaporan projek Transformasi UiTM

## 9.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan  
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lalu  
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Pembentangan Laporan Status Projek Transformasi

Bahagian C : Hal-Hal Lain

## 10.0 Dokumen Rujukan

- i. Arahan Kementerian Pendidikan Tinggi
- ii. Maklumat dan data UePMO Versi 2 secara atas talian
- iii. Fail Transformasi UiTM
- iv. Minit Mesyuarat Transformasi UiTM

## JAWATANKUASA TRANS4U

### 1.0 Punca Kuasa

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 1 September 2015

### 2.0 Tarikh Penubuhan Jawatankuasa

2016

### 3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Naib Canselor

Ahli : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
: Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
: Timbalan Naib Canselor (ICAN)  
: Pendaftar  
: Bendahari

Turut Hadir : Ketua-Ketua Pusat Perancangan Strategik

Setiausaha : Ketua Perancangan Strategik

Urus setia : Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI)

## 4.0 Kuasa Melantik

Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Pengurus

## 5.0 Tempoh Pelantikan

2 tahun

## 6.0 Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun

## 7.0 Kuorum Mesyuarat

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli termasuk Pengurus

## 8.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- i. Membangunkan dasar dan kepemimpinan transformasi bagi seluruh sistem Universiti
- ii. Mengenal pasti dan memantau risiko perubahan yang mungkin memberi kesan ke atas peranan utama atau nama baik UiTM dan juga kesesuaian strategi pengurusan risiko yang direncanakan.
- iii. Memastikan pemegang taruh dimaklumkan sepenuhnya dari masa ke semasa mengenai kemajuan Program Transformasi Universiti.
- iv. Memberi panduan dan nasihat tentang keutamaan transformasi Universiti dan memastikan pencapaian outcome dan impak Program Transformasi UiTM.
- v. Memberi maklumbalas berkaitan kemajuan Program Transformasi bagi memastikan pencapaian objektif transformasi seperti yang dinyatakan.

- vi. Memantau kemajuan Program Tranformasi UiTM dan mensyorkan cadangan penambahbaikan.
- vii. Meneliti dan mengesahkan analisa pelaporan projek Transformasi UiTM
- viii. Menyediakan laporan untuk Jawatankuasa Tranformasi UiTM

## 9.0 Agenda Mesyuarat

- Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan  
: Aluan Pengerusi
- Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lalu  
: Perkara Berbangkit
- Bahagian B : Pembentangan Laporan Status Projek Transformasi, PI, KPI dan Status i-UiTm
- Bahagian C : Hal-Hal Lain

## 10.0 Dokumen Rujukan

- i. Arahan Kementerian Pendidikan Tinggi
- ii. Maklumat dan data UePMO Versi 2 secara atas talian
- iii. Fail Transformasi UiTM
- iv. Minit Mesyuarat Transformasi UiTM

## JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN MAKLUMAT STRATEGIK (JPMS)

### 1.0 Punca Kuasa

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 1 September 2015

### 2.0 Tarikh/Tahun Penubuhan

2015

### 3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ahli : Ketua-Ketua Perancangan Strategik CSPI

: Ketua-Ketua PTJ

: Ketua UPS

Setiausaha : Timbalan Pendaftar Kanan

Urus setia : Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI)

### 4.0 Kuasa Melantik

Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor

Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

## 5.0 Tempoh Lantikan

2 tahun

## 6.0 Kekerapan Mesyuarat

4 bulan sekali

## 7.0 Kuorum Mesyuarat

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli termasuk Pengerusi

## 8.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- i. Menyedia dokumen pelan strategik Induk Universiti
- ii. Merangka dan menyediakan dasar dan polisi, KPI dan PI strategik Universiti sejajar dengan halatuju Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi
- iii. Menyediakan pelan pelaksanaan
- iv. Melaksanakan pemantauan
- v. Menyediakan pelaporan prestasi Universiti kepada MEU dan LPU secara berkala

## 9.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan  
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lalu  
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Pembentangan Laporan Status Pelan Strategik, KPI dan PI

Bahagian C : Hal-Hal Lain

## 10.0 Dokumen

- i. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Pengajian Tinggi (PPPM (PT)
- ii. RMKe-XX di Peringkat Nasional dan RMK Ke XX UiTM
- iii. Dokumen Polisi dan Dasar di peringkat Strategik UiTM
- iv. Dasar dan Peraturan UiTM

## **JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN MAKLUMAT STRATEGIK NEGERI/FAKULTI**

### **1.0 Punca Kuasa**

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 1 September 2015

### **2.0 Tarikh Penubuhan**

2015

### **3.0 Keanggotaan**

Pengerusi : Rektor/Dekan/Ketua Jabatan

Ahli : Penyelaras Unit Perancangan Strategik (UPS)  
: Timbalan Rektor/Timbalan Dekan (Akademik) @ Wakil  
: Timbalan Rektor/Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri) @Wakil  
: Timbalan Rektor/Timbalan Dekan (HEP) @Wakil

Setiausaha : Timbalan Pendaftar (Pentadbiran)

Urus setia : Unit Pentadbiran

### **4.0 Kuasa Melantik**

Pengerusi Jawatankuasa dilantik oleh Naib Canselor

Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

## **5.0 Tempoh Pelantikan**

2 tahun

## **6.0 Kekerapan mesyuarat**

4 kali setahun

## **7.0 Kuorum Mesyuarat**

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli termasuk Pengurus

## **8.0 Fungsi dan Bidang Kuasa**

- i. Mengkoordinasi penyediaan pelan strategik PTJ
- ii. Memantau pelaksanaan projek
- iii. Mengkoordinasi penyediaan pelaporan pencapaian prestasi
- iv. Mengkoordinasi keperluan data dan maklumat yang dipohon oleh CSPI

## **9.0 Agenda Mesyuarat**

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan  
: Aluan Pengurus

Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat Lalu  
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Perbincangan

- Status Pencapaian aktiviti dibawah RMKe -11
- Laporan status Performance Indeks (PI) yang berkaitan dengan RMKe-11/Transformasi
- Laporan Berkala Pengoptimuman Amanah Tugas Pensyarah (ATP)
- Laporan Berkala MoU/MoA
- Laporan Projek-Projek Khas – Audit ruang, STEM dsb

Bahagian C : Hal-Hal Lain

## **10.0 Dokumen Rujukan**

- i. Dokumen Pelan Strategik RMKe-11
- ii. Dokumen Projek Transformasi



## **SENARAI JAWATANKUASA PENYELIDIKAN**

1. Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JIPU)
2. Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkormesialan (JKHIP)
3. Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP)
4. Jawatankuasa Etika dan Penjagaan Haiwan (JEPH)
5. Jawatankuasa Komuniti Penyelidikan (JKP)
6. Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK)
7. Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan (JPP)
8. Jawatankuasa Peralatan Saintifik (JPS)
9. Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)
10. Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPH)
11. Jawatankuasa Penerbitan Jurnal dan Buku Penerbitan UiTM

## JAWATANKUASA INDUK PENYELIDIKAN UNIVERSITI (JKIPU)

### 1.0 Punca Kuasa

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 1 September 2015

### 2.0 Tarikh Penubuhan

2015

### 3.0 Keanggotaan

- Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- P. Ganti : Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Ahli : Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
: Rektor UiTM Selangor  
: Tiga (3) wakil Profesor  
: Satu (1) wakil Pengarah Pusat Kecemerlangan BerPTJ  
: Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPSSis)  
: Pengarah Penerbit UiTM  
: Pengerusi Majlis Profesor UiTM  
: Penasihat Undang-undang atau Wakil Tetap yang dilantik  
: Bendahari atau Wakil Tetap yang dilantik oleh Bendahari
- Turut Hadir : Satu (1) wakil Pengarah CoRe  
: Pengarah RMC

	: Pengarah RIBU
	: Ketua Unit Data & MyRA IRMI
Setiausaha	: Timbalan Pendaftar/Kanan Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI)
Urus setia	: Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi

#### **4.0 Kuasa Melantik**

Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor

Pengerusi Ganti/ Setiausaha / Ahli dilantik oleh Pengerusi JIPU

#### **5.0 Tempoh pelantikan**

2 tahun

#### **6.0 Kekerapan Mesyuarat**

12 kali setahun

#### **7.0 Kuorum Mesyuarat**

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli termasuk Pengerusi

#### **8.0 Fungsi & Bidang Kuasa**

- i. Bertanggungjawab kepada Senat dalam hal ehwal penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersialan Universiti.

- ii. Mengkaji dan mengesah dasar/pindaan dasar dan hala tuju, perancangan strategik dan pembangunan penyelidikan universiti.
- iii. Memantau pelaksanaan dan pematuhan dasar-dasar penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersialan Universiti.
- iv. Menimbang dan meluluskan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan hal ehwal penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersialan termasuk penyelidik, prasarana dan hasilan Universiti untuk pengesahan Senat.
- v. Bertanggungjawab kepada Senat dalam hal ehwal pembangunan dan pengurusan penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersialan di bawah pengendalian universiti.
- vi. Membincangkan laporan pencapaian penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersialan serta cadangan penambahbaikan berterusan.
- vii. Memperakui permohonan yang berkaitan etika penyelidikan, etika penjagaan haiwanpenubuhan Entiti Kecemerlangan (EK) dan pencapaian CoE.
- viii. Meluluskan dan memperakui pencapaian skor penyelidikan Fakulti, Kampus dan Universiti secara sukuan.

## 9.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan  
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lalu  
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Perbincangan dan Pelaporan

- Hal ehwal Harta Intelek, Pengkomersialan dan Perundingan.
- Hal ehwal Penyelidikan
- Hal ehwal Komuniti Penyelidikan
- Hal ehwal Entiti Kecemerlangan

- Hal ehwal Etika Penyelidikan
- Hal ehwal Etika dan Penjagaan Haiwan
- Hal ehwal Penyelidikan UiTM Negeri dan Fakulti
- Hal ehwal Penerbitan Jurnal dan Buku Penerbitan UiTM
- Hal ehwal kewangan penyelidikan

Bahagian C : Hal-hal Lain

## 10.0 Dokumen Rujukan

- i. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)
- ii. Laporan Rancangan Malaysia UiTM
- iii. Pelan Tindakan Roadmap R&D UiTM
- iv. Garis Panduan Entiti Penyelidikan UiTM
- v. Innovation DNA UiTM 2011-2020
- vi. Pekeliling-pekeliling Penyelidikan, Perundingan, Inovasi dan Komersil
- vii. Garis Panduan Penaja Geran Penyelidikan
- viii. Minit-minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
- ix. Minit-minit Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP)
- x. Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa eksekutif (JKE)
- xi. Minit-minit Mesyuarat Lembaga Tabung Amanah RMI
- xii. Minit-minit Mesyuarat Senat
- xiii. Laporan Perbincangan Lab Penjanaan dan Penjimatan

- xiv. Dasar Penyelidikan dan Inovasi
- xv. Dasar Perundingan
- xvi. Dasar Harta Intelek dan Pengkomersialan

## **JAWATANKUASA HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSILAN (JHIP)**

### **1.0 Punca Kuasa**

- i. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 1 September 2015
- ii. Seksyen 16 A (8) & (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)

### **2.0 Tarikh Penubuhan**

2015

### **3.0 Keanggotaan**

Pengerusi : Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

P. Ganti : Pengarah RIBU

Ahli : Pengarah RIBU

: Pengarah RMC

: Satu (1) wakil Pengarah CoRe

: Tiga (3) wakil Profesor yang dilantik

: CEO UiTM Holdings Sdn Bhd

: Wakil Fakulti Undang-undang (Bidang Harta Intelek)

: Ketua Unit Pengurusan Harta Intelek RIBU

: Ketua Unit Pemindahan Teknologi & Pengkomersilan RIBU

: Penasihat Undang-undang atau Wakil Tetap yang dilantik

: Bendahari atau Wakil Tetap yang dilantik oleh Bendahari

Setiausaha : Pegawai Penyelidik Sosial, RIBU

Urus setia : Research Innovation Business Unit (RIBU)

#### **4.0 Kuasa Melantik**

Pengerusi dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pengerusi Ganti/Setiausaha/Ahli dilantik oleh Pengerusi

#### **5.0 Tempoh Lantikan**

2 tahun

#### **6.0 Kekerapan Mesyuarat**

12 kali setahun

#### **7.0 Kuorum Mesyuarat**

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli termasuk Pengerusi

#### **8.0 Fungsi & Bidang Kuasa**

- i. Melaksanakan dasar dan garis panduan untuk aktiviti inovasi, harta intelek dan pengkomersialan.
- ii. Mengesyorkan dasar baru Inovasi, Harta Intelek dan Pengkomersialan kepada Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti untuk sokongan.
- iii. Mengenal pasti dan melantik penilai di peringkat Universiti yang meneliti permohonan daripada penyelidik tentang hal-hal inovasi dan pengkomersialan.

- iv. Memastikan penilaian dilakukan mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.
